

KOSMO! TERIMA ANUGERAH UMT



SULAIMAN (dua dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada Wartawan Eksekutif *KOSMO!*, Haradian Shah Hamdan sambil diperhatikan oleh Ketua Pusat Ko-kurikulum dan Sukan UMT, Mohd. Razali Abdullah semalam.

AKHBAR *KOSMO!* terus mendapat tempat di kalangan pembaca. Kelmarin *KOSMO!* telah terpilih menerima Anugerah Penghargaan Agensi Luar daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sempena Majlis Anugerah Sukan UMT 2006.

Anugerah yang disampaikan oleh Naib Canselornya, Profesor Datuk Sulaiman Md. Yassin diberikan atas sumbangan

KOSMO! dalam memberi liputan, kerjasama dan sokongan kepada program sukan di universiti itu sepanjang tahun lalu.

Selain *KOSMO!*, turut menerima anugerah khas itu termasuklah Jabatan Penyiaran Kawasan Timur, Jabatan Laut Wilayah Timur dan Sekolah Menengah Teknik Terengganu.

Dalam majlis itu juga, Pengerusi

Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Datuk Dr. Abdul Latif Awang dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Sukan UMT 2006.

Sementara itu, atlet taekwondo, G.V. Sathia Kumaran dianugerah gelaran Olahragawan Terbaik UMT, manakala Nor Shamimi Ramli dipilih sebagai Olahragawati Terbaik UMT.